

Amalan sedemikian
bukti standard
governans negara
masih lemah

Oleh IZWAN ROZLIN

SHAH ALAM

Trend dan amalan pihak kerajaan melaksanakan rundingan secara terus dengan pihak-

pihak tertentu dalam isu membabitkan dana awam telah menimbulkan persepsi bahawa standard governans negara ini masih lemah.

#RasuahBusters dalam satu kenyataan berkata, proses pemerolehan kontrak berkenaan memerlukan usaha wajar dan siasatan yang telus untuk menentukan pemberian sebarang *award* tidak mempunyai sebarang pertalian politik atau konflik kepentingan dengan pihak-pihak tertentu.

“Kita tidak mahu sebarang inisiatif tanggungjawab sosial (CSR) menjadi pintu masuk kepada urusan niaga berat sebelah dan tidak telus,” kata kenyataan itu pada Rabu.

Pada 24 Mac lalu, sidang

"Kita tidak mahu sebarang inisiatif tanggungjawab sosial (CSR) menjadi pintu masuk kepada urusan niaga berat sebelah dan tidak telus."

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah membangkitkan persoalan tentang penjualan aplikasi pengesanan Covid-19 kepada sebuah syarikat swasta.

Keputusan kerajaan untuk ‘penyerahan’ berkenaan telah diputuskan oleh Kabinet pada 26 November 2021 dan kebenaran telah diberikan oleh kabinet ke-

pada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melantik MySJ Sdn Bhd melalui mekanisme runding terus untuk mengambil alih aplikasi MySejahtera.

Bagaimanapun, pada Disember 2021, PAC telah mengesyorkan bahawa kerajaan sepatutnya mengambil alih operasi MySejahtera tanpa kos tambahan memandangkan aplikasi tersebut kini telah menjadi elemen penting dalam sistem kesihatan negara dan melibatkan rakyat negara ini.

Menurut kenyataan #RasuahBusters lagi, kontroversi yang timbul itu menimbulkan kekusaran kerana ia melibatkan seramai 38 juta pengguna MySejahtera.

“Manipulasi data bukan saja boleh berlaku berkaitan maklumat kesihatan dan data peribadi bahkan aplikasi tersebut mem-

punyai rekod jejak lengkap operasi perniagaan, strategi dan pelbagai bentuk informasi yang boleh dipetakan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

“Ini boleh mengakibatkan kerugian berbilion ringgit selain dapat memberi kesan tidak langsung kepada sistem ekonomi dan sosial negara,” kata kenyataan itu.

Jelas kenyataan itu, potensi kebocoran data-data peribadi rakyat akibat salah guna atau kecuaiannya transaksi tertentu hanya akan memperluas ruang dan peluang jenayah rasuah.

Selain daripada itu, menurut kenyataan itu, tindakan tersebut akan turut memperlahankan usaha mengembalikan #NilaiMoralKarakterBangsa yang menjadi asas kestabilan dan pemulihan negara.

“Mempertahankan kerahsiaan data-data ini adalah mandat

oleh rakyat dan kerajaan harus mempraktikkan akauntabiliti yang tinggi terhadap amanah serta tanggungjawab ini.

“Rakyat memandang secara kritikal dan tidak akan bertoleransi terhadap prinsip ketelusan serta profesionalisme kerajaan dalam menangani isu berkenaan,” tambah kenyataan itu.

Kenyataan itu menjelaskan, bagi mengelak ketirisan adalah munasabah untuk pihak kerajaan mempertimbangkan bahawa sebarang rundingan harus memberi keutamaan kepada entiti berpusatkan kepentingan dan keuntungan jangka panjang.

“Rantaian ganas ini harus diputuskan agar normalisasi budaya ini tidak terus membarah kepada rakyat dan ini tentunya mengurangkan risiko berlakunya amalan kronisme,” kata #RasuahBusters.

Isu MySejahtera: Rundingan secara terus dipersoal